

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
BRIG.JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN BIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR,
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
MAJLIS PENJENAMAAN SEMULA DAN
SAMBUTAN AIDILFITRI KOPERASI UniMAP PERLIS BERHAD
PADA
29 OGOS 2013 (JUMAAT)**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia...

Yang Berbahagia, Prof. Madya Abdull Halim bin Abdul, Pengerusi Koperasi UniMAP Perlis Berhad,

Yang Berbahagia Tuan Haji La'Anain, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Perlis,

Yang Berbahagia, En. Ismail bin Hashim, Pengerusi ANGKASA Perlis,

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Penolong-penolong Naib Canselor,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf UniMAP yang saya kasihi sekalian,

KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, kita dapat hadir bersama-sama bagi memeriahkan **Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula dan Sambutan Aidilfitri Koperasi UniMAP Perlis Berhad** pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Koperasi UniMAP Perlis Berhad kerana menjemput saya ke majlis yang julung kali diadakan ini. Dikesempatan ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan syabas kepada Koperasi UniMAP Perlis Berhad kerana berjaya melaksanakan majlis yang penuh ceria ini. Tidak terlewat juga bagi saya untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin serta Salam Kemerdekaan kepada semua yang hadir pada hari ini.

3. Saya menyeru kepada semua yang berada sini agar sama-sama kita hargai dan menjaga keharmonian Negara yang kita cintai ini. Semoga kita dapat terus hidup dalam keadaan aman sentosa seperti hari ini. Hayati bait-bait tema kemerdekaan pada tahun ini iaitu “**Malaysiaku Berdaulat : Tanah Tumpahnya Darahku**”.

PENJENAMAAN SEMULA KOPERASI UniMAP PERLIS BERHAD

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Saya masih ingat lagi Koperasi UniMAP mula ditubuhkan pada tahun 2003 dan pada ketika itu dikenali sebagai Koperasi Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Seterusnya pada tahun 2007 dijenamakan sebagai Koperasi UniMAP Berhad sebelum dikenali sebagai Koperasi UniMAP Perlis Berhad pada tahun 2012. Dan mulai hari ini Koperasi UniMAP Perlis Berhad sekali lagi akan mengikuti proses penjenamaan semula dan akan dikenali sebagai Koperasi UniMAP. Tahniah saya ucapkan!
5. Saya berharap dengan proses penjenamaan ini koperasi UniMAP akan lebih matang, cemerlang serta menjadi antara koperasi yang boleh menjadi rujukan serta contoh di Malaysia ini.

6. Dengan slogan “Berjaya bersama Ko UniMAP!” saya percaya ia akan membantu menggerakkan Koperasi ini mengikut hala tujunya. Organisasi yang didokong oleh warga kerja yang cemerlang dari segenap lapisan perlu memastikan apa yang dirancang mencapai matlamatnya melebihi apa yang disasarkan. Selaras dengan misi dan visi iaitu untuk menjadi sebuah koperasi yang berdaya saing dan berintegriti di samping menjaga kebajikan setiap anggotanya, saya yakin Koperasi UniMAP Perlis Berhad telah mula berkembang dengan jayanya.
7. Senario ekonomi dan politik semasa dalam era dunia tanpa sempadan, menuntut warga Koperasi UniMAP Perlis Berhad supaya sentiasa peka terhadap segala perubahan yang berlaku di persekitarannya. Sesiapa yang enggan berubah akan ketinggalan dan akhirnya menjadi tidak relevan lagi. Keperluan untuk berubah kini adalah satu kewajipan, bukan lagi satu pilihan!.
8. Oleh itu pada hari ini saya menyeru kepada semua warga UniMAP yang belum lagi menjadi anggota Koperasi UniMAP Perlis Berhad supaya mengambil tindakan segera kerana dengan berkoperasi banyak manfaat yang akan diperolehi. Saya juga mengambil kesempatan ini menyarankan kepada semua ketua jabatan untuk membantu Ko UniMAP dengan membeli produk-produk Koperasi UniMAP Perlis Berhad seperti kertas A4, barangan alat tulis dan sebagainya.

Kerjasama semua pihak secara tidak langsung akan memperkasa anggota khususnya dan UniMAP umumnya.

9. Akhir kata, saya berharap Koperasi UniMAP Perlis Berhad akan terus menjadi organisasi yang aktif dan produktif serta dapat menyokong aspirasi UniMAP dalam mensejahterakan warganya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini sukacitanya, merasmikan **Majlis Penjenamaan Semula Ko UniMAP dan Sambutan Aidilfitri 1434 H.**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh